

Malaysia tidak takut ancaman Amerika

15 JUL 1999

BALING: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, usaha pihak tertentu yang mencadangkan supaya Amerika Syarikat menghentikan bantuan dan kemudahan keutamaan perdagangan kepada Malaysia, kecuali Malaysia mengembalikan statusnya sebagai negara suaka pertama dan menghentikan dasar mengusir pelarian Vietnam dari perairannya, adalah suatu ugutan.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata Malaysia tidak takut dan tidak akan menerima ugutan itu kerana ia berhak menentukan siapa yang boleh masuk ke negara ini dan siapa tidak boleh.

Bercakap kepada pemberita sebelum mengadakan perjumpaan tertutup dengan ahli Barisan Nasional (BN) di Sekolah Menengah Labu Besar, Malau dekat sini, petang semalam, beliau bagaimanapun berkata Malaysia sedia menerima pendatang Vietnam, walaupun sejuta orang, jika Amerika Syarikat memberi jaminan setiap pendatang itu hanya tinggal seketika sebelum dihantar ke Amerika Syarikat.

"Tetapi apa yang berlaku ialah, Amerika Syarikat hanya mahu beberapa orang pendatang berkenaan. Amerika harus ingat, mereka pernah menolak ke laut orang Haiti suatu ketika dulu yang meninggalkan negara itu kerana kekejaman pemerintahnya.

"Mereka juga naik bot macam orang Vietnam. Tetapi apabila sampai di Amerika mereka ditolak ke laut. Keadaan yang sama dilakukan ke atas pelarian Mexico," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir kesal kenapa Amerika Syarikat marah sangat dengan Malaysia, sedangkan Malaysia tidak pernah menegur mereka.

Beliau sudah menulis surat kepada Presiden Bush menyatakan pendirian Malaysia.

"Dalam surat itu saya nyatakan bahawa kita bukan hanya menerima pelarian Vietnam, tetapi juga sudah menerima 700,000 orang Filipina dan Indonesia. Kita tidak gaduh atau minta seselapa pun tolong," katanya.

Menurutnya, masalah pelarian Vietnam bukan masalah Malaysia. Mereka lari sebab Amerika undur dari Vietnam.

Beliau berkata Malaysia sedar Amerika Syarikat kuat dan boleh pulas tangan siapa saja, tetapi janganlah terlalu cepat mahu pulas tangan orang sambil menyatakan yang terbabit bukanlah kerajaan Amerika, tetapi sesetengah ahli Kongres.

Terdahulu, ketika berucap kepada lebih 5,000 pekerja di Sekolah Menengah Kebangsaan Kulim, Datuk Seri Dr Mahathir meminta pekerja terus bekerja keras dan jangan menghiraukan pemimpin kesatuan yang cuba memperalatkan mereka.